



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA  
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

---

**JAWATANKUASA PENYELARAS DAN PENASIHAT  
RUKUN TETANGGA (JPPRT)**

**JABATAN PERPADUAN NEGERA DAN INTEGRASI NASIONAL  
(JABATAN PERDANA MENTERI)**

**1 September 2015**

Dikelilingkan kepada :

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Perpaduan Negeri

Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian



**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**  
(JABATAN PERDANA MENTERI)  
ARAS 7-10, BLOK E2, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 03-8883 7000  
Talian 1MOCC : 03-8000 8000  
Faks : 03-8888 8584  
Laman Web : <http://www.jpnn.gov.my>

Ruj. Kami : JPNIN.02/519 (PEKELILING RT) SJ1(27)

Tarikh : 1 September 2015

Semua Pengarah Bahagian  
Semua Pengarah Perpaduan Negeri  
Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian

---

**SURAT PEKELILING RUKUN TETANGGA  
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

---

**JAWATANKUASA PENYELARAS DAN PENASIHAT  
RUKUN TETANGGA (JPPRT)**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Rukun Tetangga ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga selaras dengan keperluan dalam Seksyen 14 Akta Rukun Tetangga 2012.

## TAFSIRAN

2. Bagi maksud pemakaian pekeliling ini :
  - 2.1. “Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga” merujuk kepada Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga yang ditubuhkan di bawah Seksyen 14 Akta Rukun Tetangga 2012.
  - 2.2. “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi Rukun Tetangga.
  - 2.3. “Ketua Pengarah” merujuk kepada ketua yang dipertanggungjawabkan mengetuai Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
  - 2.4. “Pengarah” merujuk kepada Pengarah Rukun Tetangga dan termasuklah Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Pengarah Rukun Tetangga dan Penolong Pengarah Rukun Tetangga yang dilantik oleh Menteri bagi maksud melaksanakan kewajipan di bawah Akta Rukun Tetangga 2012.
  - 2.5. “Pegawai Penyelaras” merujuk kepada pegawai di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang dipertanggungjawabkan mengendalikan perkara keurusetiaan berkaitan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga.
  - 2.6. “Kawasan Rukun Tetangga” merujuk kepada Kawasan Rukun Tetangga yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah melalui notis yang dikeluarkan di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

## **LATAR BELAKANG**

3. Akta Rukun Tetangga 2012 telah dikuatkuasakan mulai 22 Jun 2012 sebagai punca kuasa dalam pelaksanaan Rukun Tetangga di seluruh negara. Manakala Seksyen 14: Akta Rukun Tetangga 2012 telah memeruntukkan berhubung dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga di bawah kuasa Menteri untuk menyelaras dan menjalankan apa-apa fungsi yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta yang sama.

4. Sehubungan itu, bagi maksud memperincikan pelaksanaan tindakan dalam Seksyen 14 Akta Rukun Tetangga 2012 satu garis panduan berhubung dengan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga disediakan bagi tujuan membantu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dalam menangani dengan bijaksana isu-isu perpaduan yang merentasi semua aspek kehidupan masyarakat.

## **TATACARA**

5. Tatacara atau garis panduan penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga (JPPRT) yang disediakan bersama-sama pekeliling ini adalah sebagai panduan kepada Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga, Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Timbalan Ketua Pengarah Rukun Tetangga, Pengarah Rukun Tetangga, Penolong Pengarah Rukun Tetangga dan mana-mana pegawai lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat untuk bertindak dan mengendalikan pelaksanaan perkara-perkara yang berkaitan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

## **PELAKSANAAN**

6. Pelaksanaan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga hendaklah merujuk kepada Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang dikepilkan bersama serta

arahan jabatan berhubung Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga dari semasa ke semasa.

7. Semua garis panduan dan maklumat berkaitan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga terdahulu adalah terbatal dan hendaklah mengikut Panduan dan tatacara sepertimana yang dinyatakan dalam surat pekeliling ini melalui lampiran-lampiran yang menjadi sebahagian daripada surat pekeliling ini.

### **PENGUATKUASAAN**

8. Surat pekeliling ini dikuatkuasakan di semua peringkat di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

### **PEMAKAIAN**

9. Pekeliling ini digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan dipanjangkan ke peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah/Bahagian.

10. Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan, Ibu Pejabat boleh dihubungi untuk penjelasan lanjut berhubung Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(GANDESAN A/L LETCHUMANAN)**

Ketua Pengarah Rukun Tetangga  
Malaysia

PEKELILING  
RUKUN  
TETANGA  
BILANGAN 4  
TAHUN 2015



# PANDUAN PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENYELARAS DAN PENASIHAT RUKUN TETANGGA (JPPRT)

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL  
JABATAN PERDANA MENTERI  
ARAS 7-10, BLOK E2, PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62502 PUTRAJAYA

TEL: 03-88837000 NO. FAKS:03-88888584

<http://www.jpnin.gov.my>



**ISI KANDUNGAN**  
**PANDUAN**  
**PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN**  
**JAWATANKUASA PENYELARAS DAN PENASIHAT RUKUN TETANGGA**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>Tujuan</b>	<b>2</b>
<b>Latar Belakang</b>	<b>2</b>
<b>Punca Kuasa</b>	<b>3</b>
<b>Matlamat</b>	<b>4</b>
<b>Objektif</b>	<b>4</b>
<b>Terma Rujukan</b>	<b>6</b>
<b>Fungsi Jawatankuasa</b>	<b>6</b>
<b>Keanggotaan</b>	<b>7</b>
<b>Pelantikan, Peletakan, Penamatan dan Pembubaran</b>	<b>9</b>
<b>Mekanisme Pelaksanaan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Peringkat Penubuhan</li><li>- Mesyuarat/Perjumpaan</li><li>- Kod Etika</li><li>- Pengiktirafan</li></ul>	<b>10</b>
<b>Maklumat Pertanyaan Lanjut</b>	<b>12</b>
<b>Penutup</b>	<b>13</b>

**GARIS PANDUAN  
PENUBUHAN DAN PELAKSANAAN  
JAWATANKUASA PENYELARAS DAN PENASIHAT RUKUN TETANGGA  
(JPPRT)**

---

**TUJUAN**

1. Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga (JPPRT) adalah jawatankuasa yang ditubuhkan atas kuasa Menteri untuk menyelaras dan menasihati Pengarah berhubung aspek perpaduan dan keharmonian khususnya bagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) selaras dengan keperluan dalam Seksyen 14 Akta Rukun Tetangga 2012.

**LATAR BELAKANG**

2. Akta Rukun Tetangga 2012 telah dikuatkuasakan mulai 22 Jun 2012 sebagai punca kuasa dalam pelaksanaan Kawasan Rukun Tetangga di seluruh negara. Kawasan Rukun Tetangga adalah pertubuhan sosial yang ditubuhkan oleh Kerajaan yang mempunyai peranan signifikan dalam memastikan kesejahteraan komuniti dan memelihara perpaduan kaum di peringkat akar umbi. Menyedari akan kepentingan peranan yang digerakkan oleh Kawasan Rukun Tetangga, sokongan dalam pelbagai bentuk dilaksanakan dengan tujuan memastikan Kawasan Rukun Tetangga bergerak dengan efektif dan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

3. Seksyen 14: Akta Rukun Tetangga 2012 telah memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga yang bertindak membantu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berhubung aspek perpaduan dan keharmonian kaum khususnya perkara-perkara berkaitan Kawasan Rukun Tetangga yang dirujuk kepada Jawatankuasa berkenaan.



4. Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga adalah sebagai satu mekanisme saluran perbincangan dan penyelesaian terhadap isu-isu perpaduan di peringkat Kawasan Rukun Tetangga. Oleh itu, satu garis panduan sebagai terma dan rujukan bagi penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga ini disediakan untuk diguna pakai oleh Pegawai-pegawai di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dan individu tertentu yang terlibat dalam perkara-perkara berkaitan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga.

## **PUNCA KUASA**

5. Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga adalah termaktub dalam peraturan di bawah seksyen 14 Akta Rukun Tetangga 2012 seperti berikut:

Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat rukun Tetangga

14. (1) Menteri boleh menubuhkan suatu jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga” untuk menyelaras dan menasihati Pengarah mengenai semua perkara yang dirujuk kepadanya oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dan untuk menjalankan apa-apa fungsi yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

(2) Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga hendaklah terdiri daripada yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) sekurang-kurangnya seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Setiausaha; dan
- (d) sekurang-kurangnya dua puluh anggota lain.

(3) Penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga di bawah subseksyen (1) boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri.

## **MATLAMAT**

6. Matlamat akhir penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga adalah untuk mencapai kesepaduan sosial dan kesejahteraan komuniti serta memelihara perpaduan kaum melalui Kawasan Rukun Tetangga sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi.

## **OBJEKTIF**

### **7. Objektif Umum**

Mewujudkan medium komunikasi dua hala yang berkesan antara masyarakat dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) ke arah pembentukan gerakan akar umbi yang efektif melalui penglibatan masyarakat secara menyeluruh serta jaringan kerjasama yang kukuh antara Kawasan Rukun Tetangga dengan pertubuhan atau badan-badan sukarelawan untuk memelihara perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

### **8. Objektif Khusus:**

8.1. Memperkasakan Peranan Kawasan Rukun Tetangga sebagai medium penyelarasan dan penyaluran maklumat tepat mengenai usaha-usaha kerajaan dalam memupuk perpaduan, memantapkan keselamatan kejiwaan, keharmonian agama, budaya, ekonomi dan politik di dalam masyarakat.

- 8.2. Meningkatkan keberkesanan pengurusan Kawasan Rukun Tetangga melalui pengurusan yang telus dan cekap berdasarkan konsep penyelarasan berpusat di peringkat Kawasan Rukun Tetangga/Daerah/Bahagian/Parlimen.
- 8.3. Meningkatkan kecekapan kepimpinan Kawasan Rukun Tetangga sebagai penyelaras aktiviti penggalakan perpaduan dan penyelesaian isu-isu perpaduan di peringkat akar umbi.
- 8.4. Mengukuhkan Jaringan Sosial melalui penyelarasan hubungan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO's) dan pihak swasta dalam hal-hal berkaitan aspek perpaduan dan integrasi nasional;
- 8.5. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada komuniti melalui penyelarasan, kolaborasi dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak yang menyumbang kepada keharmonian dan perpaduan.

## **TERMA RUJUKAN**

9. Terma rujukan untuk kerangka asas kepada Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga disenaraikan seperti berikut:
  - 9.1. Bertindak sebagai badan dalam membantu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menyelaraskan pandangan dan nasihat berkaitan perkara-perkara yang dirujuk kepadanya khusus mengenai Kawasan Rukun Tetangga.
  - 9.2. Menyediakan forum untuk ahli-ahlinya mengemukakan buah fikiran dan pandangan untuk penambahbaikan dan peningkatan keberkesanan fungsi dan imej Kawasan Rukun Tetangga.

## **FUNGSI JAWATANKUASA**


10. Jawatankuasa Penyelaras dan penasihat Rukun Tetangga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut :

- 10.1. Bertindak memberi apa-apa pandangan dan nasihat kepada Pengarah Rukun Tetangga terhadap aktiviti penggalakan perpaduan, khidmat komuniti, keselamatan komuniti dan lain-lain pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Kawasan Rukun Tetangga bagi tujuan meningkatkan perkhidmatan dan kecekapan Kawasan Rukun Tetangga;
- 10.2. Bertindak mempercepat dan memudahkan penyaluran yang tepat mengenai usaha-usaha kerajaan terhadap perpaduan kaum dan kesejahteraan komuniti kepada masyarakat;
- 10.3. Mendapatkan pandangan pemastautin dan orang yang mempunyai kepentingan dalam sesebuah Kawasan Rukun Tetangga bagi memastikan Kawasan Rukun Tetangga yang ditubuhkan bergiat aktif menjalankan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan berdasarkan peruntukan Akta Rukun Tetangga 2012;
- 10.4. Bertindak mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga tentang keberkesanan peranan Kawasan Rukun Tetangga di peringkat akar umbi untuk tujuan penyelarasan dan penambahbaikan; dan
- 10.5. Bertindak sebagai saluran untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dirujuk oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dan menyelaraskan kaedah penyelesaian terbaik untuk pembangunan dan kesejahteraan komuniti secara menyeluruh.

## KEANGGOTAAN

11. Menteri hendaklah selepas berunding dengan Ketua Pengarah Rukun Tetangga atau Pengarah Rukun Tetangga, melantik anggota Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga yang terdiri daripada yang berikut:

- 11.1. Seorang pengerusi (Pemimpin politik / individu yang difikirkan sesuai oleh YB Menteri).
- 11.2. Sekurang-kurangnya seorang Timbalan Pengerusi (Ahli Akademik).
- 11.3. Seorang Setiausaha ( Pegawai Penyelaras JPPRT dari JPNIN).
- 11.4. Sekurang-kurangnya dua puluh anggota lain dan bolehlah dilantik dari kalangan pekhidmat awam, pemimpin pertubuhan, wakil-wakil masyarakat setempat atau orang awam yang difikirkan mampu menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat.
- 11.5. Struktur organisasi adalah seperti Jadual 1 berikut:



Jadual 1: Carta Organisasi Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga

12. Calon-calon menganggotai Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga adalah dicadangkan terdiri daripada wakil-wakil seperti yang berikut:

- 12.1. Wakil Pegawai Daerah (Ex-officio).
- 12.2. Wakil Pihak Berkuasa Tempatan (Ex-Officio).
- 12.3. Wakil PDRM (Ex-Officio)
- 12.4. Ketua-ketua jabatan/agensi kerajaan (AADK, Imigresen, Penerangan, JAKIM dan lain-lain yang difikirkan perlu).
- 12.5. Wakil Kawasan Rukun Tetangga (sekurang-kurangnya 5 orang)
- 12.6. Mediator Komuniti
- 12.7. Badan Bukan Kerajaan (NGO's) / Pertubuhan Agama / Pertubuhan kaum dan lain-lain.
- 12.8. Individu dan pemimpin masyarakat yang berpengaruh.
- 12.9. Lain-lain pihak berkenaan yang difikirkan bersesuaian.

13. Syarat-syarat pemilihan ahli Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga adalah seperti berikut:-

- 13.1. Terdiri daripada pelbagai kaum dan jantina;
- 13.2. Ahli berminat dan komited terhadap kerja-kerja kemasyarakatan;
- 13.3. Bersedia memberikan pandangan dan idea yang membina;
- 13.4. Berpengaruh dalam masyarakat;
- 13.5. Mempunyai hubungan yang baik dengan NGO's dan agensi-agensi lain; dan
- 13.6. Tidak mempunyai sebarang rekod jenayah.

## **PELANTIKAN, PELETAKAN, PENAMATAN DAN PEMBUBARAN JAWATANKUASA PENYELARAS DAN PENASIHAT RUKUN TETANGGA**

14. Pelantikan ahli yang menganggotai Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga dibuat oleh Menteri setelah mengadakan perundingan bersama dengan Ketua Pengarah JPNIN, Pengarah JPNIN Negeri dan lain-lain pihak yang berkenaan.

15. Tempoh bagi sesuatu pelantikan Jawatankuasa dalam suatu penggal adalah selama 3 tahun dan pelanjutan tempoh pelantikan ahli jawatankuasa boleh dibuat oleh Menteri jika difikirkan perlu.

16. Penamatan keahlian boleh dibuat oleh Menteri pada bila-bila masa selepas berunding dengan Ketua Pengarah dan Pengarah Negeri.

17. Seseorang anggota jawatankuasa yang telah dilantik boleh meletak jawatan pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan dengan mengemukakan notis bertulis kepada Menteri.

18. Seseorang akan hilang kelayakan dan tidak layak dilantik sebagai anggota jawatankuasa jika;

18.1. Belum mencapai umur lapan belas tahun;

18.2. Seorang yang bankrap belum lepas;

18.3. Seorang yang telah disabitkan atas suatu kesalahan dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau dengan tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau kedua-duanya;

18.4. Bukan warganegara atau pemastautin tetap; dan

18.5. Seorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan kewajipannya.

19. Menteri boleh pada bila-bila masa membubarkan dan membatalkan penubuhan Jawatankuasa ini (jika perlu) seperti yang termaktub dalam Seksyen 14 (3), Akta Rukun Tetangga 2012.

## **MEKANISMA PELAKSANAAN**

### **20. Peringkat penubuhan**

20.1. Jawatankuasa Penyelaras dan penasihat Rukun Tetangga ditubuhkan mengikut persempadanan parlimen.

### **21. Mesyuarat/ Perjumpaan.**

21.1. Pelaksanaan Mesyuarat oleh Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga adalah seperti berikut:

20.1.1. Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga hendaklah mengadakan mesyuarat / perjumpaan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Walau bagaimanapun, menteri boleh mengarahkan Jawatankuasa mengadakan mesyuarat pada bila-bila masa yang difikirkan perlu.

20.1.2. Input dan pandangan yang berkaitan hasil daripada mesyuarat / perjumpaan perlulah dipanjangkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

### **21. Kod Etika**

21.1. Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga perlu mematuhi Kod etika yang digariskan seperti berikut:

21.1.1. Ahli Jawatankuasa digalakkan menghadiri mesyuarat secara kerap.

21.1.2. Ahli Jawatankuasa dilarang melakukan sesuatu perkara yang boleh menjejaskan imej Jabatan dan kerajaan.

21.1.3. Ahli Jawatankuasa hendaklah sanggup menerima arahan dari semasa ke semasa dan berkhidmat secara komited dan sukarela.



- 21.1.4. Ahli Jawatankuasa hendaklah sentiasa mengamalkan sikap tidak berpihak (natural) dan adil dalam apa-apa keputusan yang diambil untuk kepentingan komuniti setempat.
- 21.1.5. Ahli Jawatankuasa tidak dibenarkan mencampuri urusan pentadbiran JPNIN.
- 21.1.6. Ahli Jawatankuasa tidak dibenarkan membawa atau bersepakat dengan pengaruh luar untuk membuat sebarang tuntutan bagi diri atau mana-mana pihak yang berkepentingan peribadi.
- 21.1.7. Segala peraturan, undang-undang dan larangan-larangan terhadap pertubuhan oleh kerajaan adalah sah dan diguna pakai kepada Jawatankuasa ini.

## **22. Pengiktirafan**

- 22.1. Sumbangan dan komitmen yang diberikan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga khususnya mereka yang mewakili anggota masyarakat adalah besar artinya dalam usaha membentuk sebuah masyarakat berbilang kaum yang hidup dalam suasana harmoni dan sentiasa memelihara perpaduan. Pengorbanan mereka sangatlah dihargai dan perlu diberi pengiktirafan yang sewajarnya. Cadangan pengiktirafan dan penghargaan terhadap jasa-jasa mereka adalah seperti berikut :-
  - 22.1.1. Mengadakan majlis pelantikan rasmi di peringkat Negeri/Daerah/Bahagian di mana semua ahli-ahli Jawatankuasa yang dilantik diberikan surat/sijil pelantikan.
  - 22.1.2. Mengenal pasti dan mengadakan majlis mengenang jasa di peringkat Negeri/Daerah/Bahagian bagi menghargai sumbangan mereka yang telah lama berkhidmat secara sukarela.

- 22.1.3. Menyarankan supaya ahli-ahli Jawatankuasa ini dijemput ke majlis-majlis perpaduan yang difikirkan bersesuaian yang dikendalikan oleh kerajaan (jika perlu).
- 22.1.4. Melibatkan mereka dalam program-program interaksi sosial dalam kepelbagaian budaya.
- 22.1.5. Melibatkan mereka dalam aktiviti pembelajaran sama ada melalui latihan khas kemahiran atau lawatan sambil belajar untuk mendalami pengetahuan mengenai kesukarelawan dari aspek hubungan kaum dan kemahiran Mediasi Komuniti.

## **MAKLUMAT PERTANYAAN LANJUT**

23. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kandungan Panduan Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Permuafakatan Kawasan Rukun Tetangga (JPKRT) boleh diajukan kepada:

Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Aras 8, Blok E2, Kompleks E,  
62502 PUTRAJAYA  
No. Telefon : 03-8883 7000  
No. Faksimili : 03-8888 8569 / 8568  
Alamat e-mail : [hq\\_pmk@jpnin.gov.my](mailto:hq_pmk@jpnin.gov.my)

## **PENUTUP**

24. Kejayaan dan keberkesanan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga untuk mencapai matlamat bergantung sepenuhnya kepada iltizam setiap

ahli yang menganggotai Jawatankuasa tersebut. Penggembleran tenaga dan usaha sebagai sebuah pasukan akan mempermudah proses untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

25. Sehubungan itu, adalah diharapkan pekeliing ini dapat memudahkan lagi usaha Jabatan dalam proses penubuhan Jawatankuasa Penyelaras dan Penasihat Rukun Tetangga di setiap Parlimen. Penubuhan Jawatankuasa ini, merupakan salah satu usaha yang digerakkan untuk menggalakkan penglibatan pelbagai pihak agar dapat membantu Jabatan menangani masalah-masalah yang berkaitan kejiranan, perhubungan kaum dan jenayah dalam Kawasan Rukun Tetangga sekali gus diharap dapat mengukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian masyarakat sejagat.